



RANCANGAN PERNIAGAAN
CENDANA CLASSIC FURNITURE

DIPLOMA IN BUSINESS STUDIES
INSTITUT TEKNOLOGI MARA MELAKA
1996



Cendana Classic Furniture



Lot 25 & 26, 2nd Floor, The Mall Plaza,
Jalan Putra 50350
Kuala Lumpur
Phone : 03 - 4427122

SURAT IRINGAN

CENDANA CLASSIC FURNITURE

Kajian Pengurusan dan Perniagaan
Institut Teknologi Mara
Melaka.

15 April 1996

Puan Asmah bte. Hj. Zainuddin
Pensyarah ETR 300
Institut Teknologi Mara
Melaka.

Puan

Rancangan Perniagaan Penjualan dan Mempamer Perabot Moden Antik

Merujuk perkara di atas, kami ahli kumpulan Projek Perancangan Penjualan dan Mempamer Perabot Moden Antik telahpun menyiapkan Rancangan Perniagaan untuk memenuhi keperluan matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300).

Rancangan Perniagaan ini menyediakan segala maklumat-maklumat yang diperlukan untuk menukuhkan sebuah perniagaan yang menawarkan barang-barangan Perabot Moden Antik. Kami berharap Puan berpuas hati dengan usaha yang kami telah sama-sama curahkan bagi menjayakan dan menyempurnakan projek ini .

Akhir kata, kami sudahi dengan ucapan terima kasih.

Yang Benar

.....
ABRAR B. AHMAD.

Ketua Kumpulan Projek

CENDANA CLASSIC FURNITURE

ISI KANDUNGAN

	<u>muka surat</u>
SURAT IRINGAN	i
SEKAPUR SIRIH	ii
SEKALUNG BUDI	iii
SURAT TEMUDUGA	iv
ISI KANDUNGAN	v
1.0 PENGENALAN	1
2.0 TUJUAN	3
3.0 LATAR BELAKANG SYARIKAT	4
3.1 LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI	6
3.2 SURAT PERJANJIAN PERKONGSIAN	11
4.0 LATAR BELAKANG PROJEK CADANGAN	
4.1 LOKASI TAPAK PROJEK	14
4.2 KEDUDUKAN FIZIKAL	14
4.3 BANGUNAN	15
4.4 KEMUDAHAN ASAS	15
4.5 RUMUSAN	16
5.0 PETA LOKASI DAN LOGO SYARIKAT	
5.1 PENGERTIAN LOGO SYARIKAT	18
5.2 PETA LOKASI	20
6.0 RANCANGAN PEMASARAN	
6.1 ANALISIS PEMASARAN	21
6.1.1 BENTUK PASARAN	21
6.1.2 SASARAN PASARAN	24
6.1.3 SAIZ PASARAN	24
6.1.4 BARANGAN	25
6.1.4.1 LIVING SET	
6.1.4.2 BEDROOM SET	
6.1.4.3 DINING SET	
6.1.4.4 KITCHEN SET	
6.1.4.5 OCCATIONAL ITEMS & SOUVENIRS	
6.1.5 PELANGGAN	28
6.1.6 PERSAINGAN	29
6.1.6.1 KELEBIHAN PESAING	
6.1.6.2 KEKURANGAN PESAING	
6.2 RAMALAN JUALAN	33

1.0 PENGENALAN

CENDANA CLASSIC FURNITURE merupakan sebuah syarikat yang menjalankan aktiviti ~ aktiviti penjualan pelbagai jenis barang perabot kayu yang diukir indah berlandaskan atau bermotifkan ciri-ciri antik klasik. Syarikat ini adalah merupakan *Agen Penjual* kepada Syarikat *Graha Karya Harro* yang berpengkalan di Melaka yang mana ianya bertindak sebagai pembekal utama barang kami.

Syarikat ini tertakluk dibawah segala peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Akta Syarikat 1965, dan ianya akan hanya menjual barang siap dan sedia untuk dipasarkan .

Syarikat ini akan beroperasi di *Lot 25 & 26 Tingkat 2 The Mall, Jalan Putra 50350 Kuala Lumpur*. Perniagaan perabot antik moden dijangka akan mendapat sambutan hangat daripada pelanggan-pelanggan golongan pertengahan, atasan dan korporat berdasarkan permintaan yang tinggi dan menggalakkan terhadap barang perabot moden tetapi bercirikan antik.

Perniagaan perabot moden antik ini dipilih kerana :

- i) Permintaan yang sangat tinggi dalam pasaran tempatan dan luar negeri terhadap perabot kayu antik moden.
- ii) Untuk memperkenalkan barang perabot yang bercirikan keMalaysiaan .
- iii) Ekonomi Malaysia yang semakin teguh membolehkan rakyatnya membeli dan memiliki barang sederhana mewah dan mewah, terutamanya perabot mewah dan separa mewah sebagai suatu lambang status dan kedudukan.

iv) Memperkenalkan barang buatan Malaysia yang tinggi mutunya dan lebih murah sebagai satu alternatif kepada barang import yang ternyata sangat mahal sedangkan mutunya hampir sama.

Setakat ini persaingan yang dihadapi tidak begitu besar kerana di Kuala Lumpur ini hanya terdapat beberapa buah sahaja syarikat yang menawarkan barang perabot yang hampir meyerupai barang kami. Namun kesemua mereka hanya menawarkan perabot yang 100% di import berbanding kami yang menawarkan barang perabot 100% buatan Malaysia dan harga kami jauh lebih murah dan bermutu tinggi. Namun persaingan ini tidaklah menjadi masalah besar kepada kami kerana kami tahu kami hanya menawarkan mutu dan harga yang terbaik sahaja untuk pelanggan-pelanggan kami.